

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 2

MARKAH				
BAHAGIAN A	BAHAGIAN B	BAHAGIAN C	BAHAGIAN D	JUMLAH
10	10	10	20	50

I jam 15 minit

Bahagian A [10 markah]

Soalan 1 hingga 4

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Ady _____ bulu Si Tompok yang gebu itu.
A meraut
B mengurut
C mencabut
D mengelus
- 2 Pada pendapat saya, Farhanlah yang _____ layak menerima anugerah tersebut.
A nian
B benar
C paling
D terlalu

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Ceramah kesihatan itu _____ oleh pakar kanak-kanak dari Hospital Kuala Lumpur.
A menyampaikan
B disampaikan
C penyampaian
D kesampaian
- 4 Pilih ayat yang betul.
 I Tolong jangan buang sampah di situ.
 II Zarina menghadihkan sepasang baju kurung kepada Cikgu Syahirah.
 III Terima kasih di atas bantuan yang telah dihulurkan.
 IV Ibu merebus sepucuk rebung untuk dibuat ulam.
A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

Soalan 5 hingga 7

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

Jambatan Angkat Terengganu yang menelan kos sebanyak RM249 juta telah dibuka kepada orang ramai pada 1 Ogos 2019. Jambatan angkat ini merupakan jambatan angkat yang terpanjang di dunia dan satu-satunya jambatan angkat di Asia Tenggara.

Jambatan angkat ini merupakan *keunikan* kejuruteraan yang direka untuk menampung kedua-dua lalu lintas darat dan maritim. Reka bentuknya yang tersendiri membolehkannya dinaikkan dan diturunkan untuk memudahkan pergerakan kapal besar yang belayar di bawahnya.

Jambatan ini dibina menggunakan teknologi dan bahan termaju untuk memastikan kestabilan dan jangka hayatnya. Pusat kawalan jambatan dilengkapi dengan teknologi terkini untuk melancarkan operasi dan pemantauan fungsi jambatan. Kejuruteraan dan reka bentuk jambatan menjadikannya mercu tanda penting di Malaysia dan simbol kemajuan negara dalam bidang infrastruktur dan teknologi.

Reka bentuk jambatan ini diinspirasikan daripada Tower Bridge di London yang juga berbentuk jambatan imbang. Terdapat empat batang menara 15 meter tingginya, sepasang untuk setiap pangkal daun jambatan yang dihubungkan dengan jejantas. Setiap menara berpangkalkan lobi untuk membolehkan pengunjung menaiki kawasan perniagaan yang terletak di dalam jejantas.

- 5 Bilakah Jambatan Angkat Terengganu dibuka kepada orang ramai?
- A 20 Ogos 2021
 - B 1 Oktober 2020
 - C 1 Ogos 2019
 - D 15 Julai 2000
- 6 Berikut merupakan keistimewaan jambatan angkat, *kecuali*
- A merupakan jambatan angkat yang paling panjang di dunia.
 - B boleh dinaikkan dan diturunkan untuk menampung kapal besar yang belayar di bawahnya.
 - C mempunyai tiga batang menara setinggi 15 meter.
 - D menggunakan teknologi dan bahan termaju.
- 7 Perkataan *keunikan* dalam petikan sesuai digantikan dengan perkataan
- A kecantikan.
 - B kegemilangan.
 - C keistimewaan.
 - D kelainan.

Soalan 8 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti. Kemudian jawab soalan–soalan yang berikutnya.

Bahan 1



PEMBIMBING RAKAN SEBAYA (PRS)

ETIKA PRS

- Amanah dan menyimpan rahsia.
- Menerima dan menghormati rakan dan orang lain.
- Tahu batasan dan keupayaan diri.
- Sentiasa berusaha meningkatkan diri dari pelbagai aspek.
- Merujuk kes kepada guru bimbingan dan kaunseling
- Mematuhi peraturan sekolah, norma masyarakat dan agama.



Bahan 2

Qayyum seorang murid yang sangat disenangi oleh rakan-rakan kerana sikapnya yang baik hati dan suka membantu orang lain.

Cikgu Hamid, guru Bimbingan dan Kaunseling telah melantik Qayyum sebagai pengerusi Kelab Pembimbing Rakan Sebaya. Pembimbing Rakan Sebaya ialah murid yang telah dilatih dalam bidang kemahiran asas komunikasi dan kaunseling. PRS berfungsi sebagai seorang kawan yang berkesan kepada rakan sebaya, terutama kepada mereka yang memerlukan pertolongan.

Sebagai seorang ahli PRS, Qayyum berazam untuk menjadi seorang pendengar yang *peka* kepada perasaan orang lain, berminat dan mengambil berat serta rela memberi khidmat di sekolah. Dia sentiasa mengingati pesanan Cikgu Hamid agar sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada rakan-rakan yang lain.

- 8 Siapakah yang melantik Qayyum sebagai Pembimbing Rakan Sebaya?
- A Guru besar
 - B Guru Bimbingan dan Kaunseling
 - C Guru kelas
 - D Pengerusi PRS
- 9 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Qayyum telah dilantik sebagai pengawas sekolah.
 - B Pembimbing Rakan Sebaya tidak perlu menyimpan rahsia.
 - C Ahli PRS perlu sentiasa berusaha meningkatkan diri dari pelbagai aspek.
 - D Semua masalah murid akan diselesaikan oleh Pembimbing Rakan Sebaya.
- 10 Perkataan *peka* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan
- A tegas.
 - B simpati.
 - C jujur.
 - D prihatin.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca pantun di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kemajuan sains dan teknologi,
Idea baharu inovasi terkini;
Pemacu idea tingkatan ekonomi,
Negara maju tinggi kualiti.

Mesin layan diri di mana-mana,
Tak perlu ke kaunter jimatkan masa;
Bil dibayar mudah sahaja,
Semua terpapar di depan mata.

Semua transaksi menjadi mudah,
Tanpa tunai tiada masalah;
Lebih pantas tidaklah lelah,
Jimat masa kuranglah salah.

Informasi terkini di hujung jari,
Pelbagai aplikasi boleh dilayari;
Yang jauh boleh dihubungi,
Yang dekat mudah berinteraksi.

a) Apakah kelebihan mesin layan diri?

(1 markah)

b) Nyatakan **dua** produk inovasi yang terdapat dalam pantun.

(2 markah)

Yang jauh boleh dihubungi,
Yang dekat mudah berinteraksi.

c) Gariskan **satu kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

(1 markah)

d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Semua transaksi menjadi mudah,
Tanpa tunai tiada masalah;

Semua transaksi boleh dilakukan walaupun tiada wang tunai.	
Transaksi lebih mudah jika tiada wang tunai.	

(1 markah)

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Seorang rakan Sarah meminta untuk menggunakan akaun banknya untuk suatu transaksi. Rakannya berjanji akan memberi sedikit wang sagu hati kepada Sarah. Namun rakannya tidak memberitahu maklumat transaksi itu dengan lebih lanjut.

Pada pendapat kamu, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Sarah?

[illegible]

(5 markah)

Bahagian C
[10 markah]

Gambar rajah di bawah menunjukkan tempat-tempat yang mempunyai nilai sejarah di Malaysia.

Tuliskan pendapat kamu tentang **kepentingan mengenali dan menghargai tempat-tempat tersebut**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




[illegible]

(10 markah)

[20 markah]

Teliti gambar di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(20 markah)